



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PROGRAM PERTANIAN GREENKIT MEMBERI MANFAAT KEPADA KOMUNITI PUTRAJAYA

**PUTRAJAYA, 17 Februari 2017** – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Persatuan Penduduk Presint 8 menganjurkan program pertanian menggunakan sistem *greenkit* di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Tautan Ceria sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 (SHWP 2017).

YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayaki, Isteri YB Menteri Wilayah Persekutuan mengagihkan sebanyak 200 unit *greenkit* kepada 40 orang penerima meliputi 10 orang peserta dari setiap blok di PPA Fasa 4B, Presint 8 sebagai permulaan untuk dijadikan perintis sistem penanaman *GreenKit* kepada kawasan lain di Putrajaya. Program pertanian seperti ini diperkenalkan kepada komuniti di WP Putrajaya memandangkan kebanyakan penduduk di sini tinggal di rumah pangsa yang mempunyai kawasan tanah yang terhad.

Oleh itu, kaedah penanaman melalui sistem *greenkit* yang diperkenalkan oleh MARDI ini sesuai untuk penanaman di ruang yang terhad dan yang paling penting ianya mengindahkan landskap kawasan sekitar dan bebas dari ancaman nyamuk aedes. Sistem *GreenKit* ini boleh ditanam dengan pokok sayuran berdaun, pokok sayuran berbuah dan pokok herba. Tanaman jenis ini adalah lebih mudah diurus dan boleh ditinggalkan tanpa penjagaan rapi.

Pada tahun ini, KWP mengadakan Program CSR Tautan Ceria yang berkonsepkan pertanian bertujuan untuk membantu komuniti setempat menjimatkan perbelanjaan isi rumah serta membantu mewujudkan peluang pekerjaan melalui penjualan hasil pertanian (segar) sebagai salah satu sumber pendapatan penduduk bandar. KWP telah memperuntukkan sebanyak RM50,000.00 manakala YWP pula menyumbang sebanyak RM10,000.00.

Program CSR Tautan Ceria ini juga diadakan bertujuan untuk mendekatkan Kerajaan dengan masyarakat melalui pendekatan turun padang (*outreach*) pemimpin bagi merasai denyut nadi masalah rakyat dalam menghadapi situasi ekonomi global masa kini. Selain itu, melalui program seperti ini dapat mendidik masyarakat untuk menyemai sikap prihatin dalam menjaga serta memelihara alam sekitar dalam usaha menjadikan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan ini sebagai *green city*.

Diharapkan menerusi penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan program-program CSR sempena SHWP 2017 ini akan memberi impak yang besar dalam membantu golongan yang memerlukan di Wilayah Persekutuan melalui pendekatan mesra rakyat. Ini adalah selaras dengan tema SHWP 2017 iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” dalam menambahkan rasa sayang dan cinta kepada Wilayah Persekutuan sekaligus memastikan kebijakan dan kesejahteraan warganya terus terpelihara.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Putrajaya  
17 Februari 2017